



Saya dapat tawaran belajar di KPTM,
adakah pinjaman pengajian disediakan?



Ya pihak kolej ada menyediakan pinjaman pengajian
melalui dua badan penaja utama iaitu MARA dan PTPTN.



Adakah saya layak memohon pinjaman MARA?

Seksyen Tajaan kolej akan
menyemak keputusan peperiksaan SPM adik
untuk menentukan samada adik layak
untuk memohon pinjaman MARA atau PTPTN.



Apakah kelayakan untuk saya memohon pinjaman MARA?

Jika adik ditawarkan program yang "bukan teknikal"
seperti program Diploma Accountancy,
Diploma In Bussiness Management, Diploma In Office Managemnet dan
Diploma In Tourism Management adik perlu mendapat keputusan SPM
seperti berikut bagi melayakkan adik memohon pinjaman MARA:
Mendapat 3 kredit bagi mana mana subjek



DAN

Lulus subjek Bahasa Melayu serta Sejarah

Tetapi jika adik ditawarkan program "teknikal" seperti
Diploma In Computer System and Networking, adik perlu mendapat keputusan
SPM seperti berikut untuk memohon pinjaman MARA:

Kredit subjek Matematik

Kredit mana-mana satu subjek Sains

Kredit 1 subjek lain

DAN

Lulus subjek Bahasa Melayu serta Sejarah



Bagaimanakah cara nak memohon bantuan Zakat, Yayasan Pelajaran Negeri dan E-Pendahuluan MARA?

Bagi memohon bantuan dari Pejabat Zakat dan Yayasan Pelajaran Negeri, adik perlu membawa surat tawaran melanjutkan pengajian, yang KPTM telah keluarkan kepada adik, ke Pejabat Zakat dan Yayasan Pelajaran Negeri di mana adik tinggal dan maklumkan kepada mereka bahawa adik ingin memohon bantuan untuk memulakan pengajian di KPTM Alor Setar.

Pihak Zakat dan Yayasan Pelajaran Negeri akan membantu menunjukkan cara untuk memohon.

Bagi memohon E-Pendahuluan MARA adik perlu menerima surat tawaran melanjutkan pengajian di KPTM terlebih dahulu.

Seterusnya adik perlu lakukan langkah langkah berikut:

Adik perlu memohon pendahuluan secara online di laman web <http://www.mara.gov.my/ePendahuluan> dalam tempoh sebulan sebelum adik mendaftar di KPTM Alor Setar. Adik perlu mencetak keluar Borang Permohonan Online yang telah lengkap diisi. Borang ini perlu dihantar ke pejabat MARA Negeri yang berdekatan dengan tempat tinggal adik.



Jika saya tidak layak untuk memohon pinjaman MARA bagaimana caranya untuk mohon pinjaman PTPTN



Adik HENDAKLAH MENELEFON PEGAWAI TAJAAN KPTM ALOR SETAR bagi mendapatkan maklumat dan tatacara untuk memohon pinjaman PTPTN.

Adik hanya boleh memohon pinjaman PTPTN melalui maklumat yang diberikan oleh pegawai Tajaan KPTM Alor Setar.



**TERIMA KASIH PUAN DIATAS
MAKLUMAN YANG DISAMPAIKAN**

Bagaimanakah pula cara untuk memohon pinjaman MARA?

Adik perlu menunggu arahan dari pihak MARA dan Seksyen Tajaan kolej yang akan dihantar melalui sistem pesanan ringkas SMS kepada adik. Pihak Tajaan kolej dan MARA akan mengarahkan adik untuk melakukan proses permohonan secara online/atas talian di dalam sistem permohonan online MARA. Selagi adik tidak menerima arahan samada dari pihak Tajaan kolej atau dari pihak MARA adik TIDAK BOLEH memohon.



Bilakah saya boleh mohon pinjaman MARA?



Jawapannya sama seperti jawapan di atas. Adik perlu tunggu arahan dari pihak Tajaan kolej dan MARA. Selagi adik tidak dihubungi oleh pihak Tajaan kolej atau pihak MARA adik TIDAK BOLEH memohon. Hanya pihak Tajaan kolej dan pihak MARA sahaja yang berhak untuk menentukan bila dan bagaimana adik boleh memohon pinjaman MARA.



Sebelum dapat pinjaman MARA atau PTPTN adakah terdapat bantuan kewangan lain yang boleh saya mohon?

Adik boleh mohon bantuan kewangan bagi mendaftar masuk ke kolej daripada badan badan berikut: Pejabat Zakat negeri di mana adik tinggal Pejabat Yayasan Pelajaran Negeri di mana adik tinggal Pendahuluan dari pihak MARA negeri di mana adik tinggal

